



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"SILATURAHIM: KASIH SAYANG DALAM ISLAM"

30 Julai 2021 / 20 Zulhijah 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ^١ الْقَائِلِ :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّنْ نَفْسٍ وَّحِيدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا بِحَالٍ كَثِيرًا وَنِسَاءً وَأَتَقْوِا
اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَّقِيبًا^٢ ①

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ^٣ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِنِّيكُمْ
وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ^٤ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan penuh keikhlasan mentaati setiap perintah Nya, dan menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita senantiasa dilimpahi rahmat, perlindungan, petunjuk dan kasih sayang daripada Allah SWT agar hidup kita sejahtera di dunia dan di akhirat. Mimbar hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk, "**Silaturahim: Kasih Sayang Dalam Islam**"

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam ialah agama yang sempurna untuk seluruh umat manusia. Selain mematuhi perintah ibadah seperti sembahyang, berpuasa, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji, Islam juga menyeru umatnya untuk hidup sejahtera, bekerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain. Bagi mencapai tujuan tersebut, umat dianjurkan untuk memelihara hubungan silaturahim sesama manusia.

¹ Memuji Allah

² Ayat Al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



Silaturahim bermaksud menjalinkan hubungan persaudaraan, persahabatan atau kekeluargaan sesama manusia; bertanya khabar, mengambil berat, menghulurkan pertolongan kepada yang memerlukan, bersopan santun, nasihat-menasihati dan menjaga perasaan sesama manusia. Hal ini dianjurkan tidak hanya dalam kalangan ahli keluarga, malah kepada semua manusia kerana kita ialah zuriat kepada bapa seluruh umat manusia, iaitu Nabi Adam A.S.; firman Allah SWT dalam surah An-Nisa ayat pertama, bermaksud:

“Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhan mu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam A.S.), dan Dia menciptakan daripada pasangannya Hawa, Dia menumbuhkan daripada kedua-duanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan nama Nya kamu saling meminta, serta peliharalah hubungan silaturahim sesama kaum kerabat. Sesungguhnya Allah Maha Menguasai (yakni Memerhati) kamu”.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya mengeratkan hubungan silaturahim sesama saudara hukumnya wajib. Manakala memutuskannya, hukumnya haram, dan termasuk dalam golongan orang-orang yang melakukan maksiat serta dosa besar dan tidak akan masuk syurga bagi orang yang memutuskan silaturahim. Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعُ رَحْمٍ (رواه مُسْلِم 2556)

Maksudnya: Tidak akan masuk syurga bagi orang yang memutuskan silaturahim.

Pada lazimnya, hubungan silaturahim terputus berpunca daripada pertengkaran atau perselisihan kerana berebut harta benda, harta pusaka, hutang-piutang, hasutan, fitnah, sifat sompong dan mementingkan diri sendiri. Di samping itu, perkelahian antara anak-beranak, adik-beradik atau jiran tetangga juga boleh menyebabkan terputusnya hubungan silaturahim. Diperhatikan perbezaan fahaman antara kumpulan dan fahaman politik, perlumbaan untuk mendapatkan jawatan, perbuatan fitnah memfitnah turut menjadi punca terputusnya hubungan silaturahim.

Pihak yang telah memutuskan silaturahim, akan menyalahkan pihak yang lain. Keadaan menjadi lebih mudarat apabila kedua-dua pihak kerana dipengaruhi oleh nafsu dan bisikan iblis, bersifat ego merasakan dirinya sahaja yang betul dan pihak lain semuanya salah, tidak langsung bersikap terbuka dan tidak mahu langsung bertolak-ansur serta sama sekali tidak mahu mengalah untuk memohon maaf.



Perlu diingatkan, tanggungjawab membina semula hubungan silaturahim yang terputus, bukan terletak kepada pihak yang berselisihan sahaja, tetapi setiap pihak, baik kumpulan mahupun individu, anggota keluarga, rakan-rakan sekerja mahupun jiran tetangga, hendaklah turut berusaha, berperanan penting selaku orang tengah membawa suara perdamaian, agar silaturahim yang terputus dapat segera dihubungkan semula.

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita sama-sama berusaha menjaga dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim agar masyarakat dan rakyat dapat hidup dalam suasana aman lagi tenteram, saling mengambil berat, saling membantu dan saling menyayangi antara satu sama lain.

Jika berlaku perselisihan, maka berusahalah untuk mencari jalan penyelesaian dan perdamaian secepat mungkin kerana setiap orang mukmin itu adalah bersaudara. Oleh yang demikian, hubungkanlah silaturahim dan jauhkanlah daripada perkara yang boleh memutuskannya. Jika terdapat masalah, tanganilah dengan sabar dan dengan perasaan yang rasional. Tenangkan fikiran, sejukkan amarah, amalkan sifat memaafkan dan sedia pula memohon maaf. Barang dijauhkan Allah SWT, ketika roh kita terpisah dengan jasad, dunia ini kita tinggalkan tanpa berpeluang menjalinkan semula hubungan silaturahim dengan sesiapa juga yang kita telah berselisih faham. Sama-samalah kita berdoa semoga hubungan silaturahim akan sentiasa terjalin, dan kita akan mendapat keredaan dan rahmat Allah SWT di dunia dan di akhirat, sebagaimana yang disebutkan di dalam surah Al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوٌ فَاصْبِرْهُوْ بَيْنَ أَخْرَيْهِمْ وَاتْقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat"

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْفُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعْنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَنَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمْرَنَا بِالْتَّقْوَىٰ وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كثِيرًا أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

KAUM MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk. Imarahkanlah rumah Allah SWT dengan terus-menerus mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتٌ عَلَيْهِ وَسَلَامٌ تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفَيْضَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَةِ رَسُولِ اللَّهِ^ﷺ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انْصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ خُصُوصًا فِي فَلَسْطِينِ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا فِي رُؤُسِ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحَنَّ، وَالْفِتَنَّ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَّ، عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بُلَادِنَا عَامَّةً.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa Untuk Kaum Muslimin



Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.